

Utamakan barang buatan Malaysia

BUTTERWORTH 7 Sept. - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menganjurkan orang ramai supaya tidak hanya membeli produk keluaran bumiputera sahaja, sebaliknya mendorong kempen membeli barang buatan Malaysia secara keseluruhanya.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum, kempen beli barang buatan Malaysia itu perlu didorong oleh semua pihak dalam usaha mewujudkan kehidupan yang lebih harmoni.

"Saya fikir dalam konteks negara kita yang patut kita dahlulukan adalah kempen beli barang buatan Malaysia. Jadi, fokus kita sebagai negara berbilang kaum, untuk memperolehi kehidupan yang harmoni dan memakmurkan negara, kita perlu dorongan semua sekali," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Terdahulu, beliau merasmikan Rumah Ilmu Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (Kadun) Telok Ayer Tawar dan majlis pelepasan peserta Konvoi Merdeka, di sini. Mutakhir ini terdapat kempen dalam media sosial

oleh segelintir pihak supaya memboykot barang keluaran bukan bumiputera dan membeli produk keluaran bumiputera.

Pada Jumaat lalu, Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak bersetuju dengan gerakan memboykot itu dan menyifatkan perkara itu hanya dilakukan oleh mereka yang berfikiran ceteck.

Ditanya mengenai tindakan segelintir pihak yang menafikan gerakan memboykot barang keluaran bukan bumiputera itu, sebaliknya menyatakan ia adalah gerakan menyokong produk Muslim, Saifuddin Nasution berkata, tujuannya tetap sama walaupun gerakan itu menukar kenyataan mereka.

"Mereka ini berubah-ubah, ia bermula sebagai boikot kemudian apabila disanggah dan diberikan jawapan dan rasional kenapa tak perlu ada boikot, maka skripnya itu diubah kepada mengutamakan produk Muslim," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, kertas kerja berkaitan program subsidi petrol bersasar kepada golongan kumpulan berpendapatan 40 peratus terendah kini menunggu giliran untuk dibentangkan kepada Jemaah Menteri. - BERNAMA

Saya fikir dalam konteks negara kita yang patut kita dahlulukan adalah kempen beli barang buatan Malaysia."

SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL

